

### Set 10

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Harga petrolium yang semakin meningkat di seluruh dunia pencetuskan kebimbangan dalam kalangan masyarakat.  
*Harga **petroleum** yang semakin meningkat di seluruh dunia **mencetuskan** kebimbangan dalam kalangan masyarakat.*
- (ii) Cerek eletrik di rumahnya tidak berfungsi lagi kerana alat pemanasannya berkarat.  
*Cerek **elektrik** di rumahnya tidak berfungsi lagi kerana alat **pemasannya** berkarat.*
- (iii) Antara faktor pendapat Syarikat Maju meningkat tahun demi tahun adalah kerana usaha gigih para perkerjanya.  
*Antara faktor **pendapatan** Syarikat Maju meningkat tahun demi tahun adalah kerana usaha gigih para **pekerjanya**.*

## D PENGGUNAAN KATA, ISTILAH, ATAU TATABAHASA

### Set 1

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.

- (i) Setelah lama meraduk hutan belukar itu, akhirnya kami tiba ke tempat yang dituju.  
*Setelah lama **meredah** hutan belukar itu, akhirnya kami tiba **di** tempat yang dituju.*
- (ii) Tindak-tanduknya memang licin sehingga semua orang tidak menyangka yang dia penipu.  
*Tindak-tanduknya memang **licik** sehingga semua orang tidak menyangka **bahawa** dia penipu.*
- (iii) Dia mendapat tempat keempat-empat dalam peraduan menggubah esei yang dianjurkan oleh sekolahnya pada minggu lepas.  
*Dia mendapat tempat **keempat** dalam peraduan **mengarang** esei yang dianjurkan oleh sekolahnya pada minggu lepas.*

### Set 2

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.

- (i) Pihak berkuasa tempatan telah memperlebarkan jalan itu untuk kemudahan dan keenakan orang ramai.  
*Pihak berkuasa tempatan telah **memperlebar** jalan itu untuk kemudahan dan **keselesaan** orang ramai.*
- (ii) Pelbagai sayur-mayur dijual oleh Pak Atan di pasar tani untuk menambahkan pencarian keluarganya.  
*Pelbagai **sayur** dijual oleh Pak Atan di pasar tani untuk menambahkan **pendapatan** keluarganya.*
- (iii) Pihak polis mengadakan gerakan untuk membanteras kegiatan jenayah dari masa ke semasa.  
*Pihak polis mengadakan **operasi** untuk membanteras kegiatan jenayah dari masa ke **masa**.*

### Set 3

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.

- (i) Kolej swasta di negara ini timbul bagi cendawan selepas hujan dan setengah pihak meragui kualiti pendidikannya.  
*Kolej swasta di negara ini **tumbuh** bagi cendawan selepas hujan dan **sesetengah** pihak meragui kualiti pendidikannya.*
- (ii) Pemecatan namanya dalam senarai calon untuk kenaikan pangkat menimbulkan tanda tanya di kalangan rakan sejawatnya.  
***Pengguguran** namanya dalam senarai calon untuk kenaikan pangkat menimbulkan tanda tanya **dalam** kalangan rakan sejawatnya.*
- (iii) Syarikat itu melakukan beberapa usaha-usaha sebagai propaganda produknya di pasaran tempatan dan antarabangsa.  
*Syarikat itu melakukan beberapa **usaha** sebagai **promosi** produknya di pasaran tempatan dan antarabangsa.*

### Set 4

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.

- (i) Oleh kerana terlalu letih, ayah terlentur di kerusi.  
Oleh *sebab* terlalu letih, ayah *terlentok* di kerusi.
- (ii) Kegiatan pemotongan hutan yang tidak terkawal dan pembakaran terbuka merupakan di antara faktor utama peningkatan suhu.  
*Kegiatan **penebangan** hutan yang tidak terkawal dan pembakaran terbuka merupakan **antara** faktor utama peningkatan suhu.*
- (iii) Wanita itu telah digesel oleh kereta api yang dalam perjalanan daripada Kuala Lumpur ke Kelantan.  
*Wanita itu telah **digilis** oleh kereta api yang dalam perjalanan **dari** Kuala Lumpur ke Kelantan.*

### Set 5

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.

- (i) Sudah berjam lamanya ayah menangkap ikan di tasik itu.  
*Sudah **berjam-jam** lamanya ayah **memancing** ikan di tasik itu.*
- (ii) Baru sebentar tadi Salmah keluar ke kedai buku untuk membeli manila kad.  
*Baru sebentar tadi Salmah **pergi** ke kedai buku untuk membeli **kad manila**.*
- (iii) Puan Zainon sedang memasak ayam kari yang menjadi minat keluarganya.  
*Puan Zainon sedang memasak **kari ayam** yang menjadi **kesukaan/kegemaran** keluarganya.*

### Set 6

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.

- (i) Segelintir rakyat mementingkan kuantiti beras yang diimport daripada luar negara.  
*Segelintir rakyat mementingkan **kualiti** beras yang diimport **dari** luar negara.*
- (ii) Harga manila kad di pasar mini itu sangat mencekik.  
*Harga **kad manila** di pasar mini itu sangat **mahal**.*
- (iii) Hukuman yang lebih kuat patut dikenakan terhadap peragut oleh kerana banyak kes jenayah itu dilaporkan.  
*Hukuman yang lebih **berat** patut dikenakan terhadap peragut **kerana** banyak kes jenayah itu dilaporkan.*

### Set 7

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.

- (i) Pengemis itu makan dengan boros sekali kerana tidak menelan apa-apa makanan sementara semalam.  
*Pengemis itu makan dengan **gelojoh** sekali kerana tidak menelan apa-apa makanan **sejak** semalam.*
- (ii) Kempen Tak Nak terhadap rokok yang diluncurkan oleh kerajaan akan diperhebat supaya masyarakat benci dengan rokok.  
*Kempen Tak Nak terhadap rokok yang **dilancarkan** oleh kerajaan akan diperhebat supaya masyarakat benci **akan** rokok.*
- (iii) Lim Kah Wai terperanjat dan cemas bila mendengar letusan bom di hadapan sebuah bank.  
*Lim Kah Wai terperanjat dan cemas **apabila** mendengar **letupan** bom di hadapan sebuah bank.*

### Set 8

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.

- (i) Beraneka kuih-muih dihidangkan kepada para-para pengunjung sempena pelancaran rumah oleh syarikat pemaju.  
*Beraneka **kuih** dihidangkan kepada **para** pengunjung sempena pelancaran rumah oleh syarikat pemaju.*
- (ii) Kita seharusnya memperkuat jati diri kita untuk dapat bersaing dengan rakyat di negara-negara tinggi.  
*Kita seharusnya memperkuat jati diri kita **agar** dapat bersaing dengan rakyat di negara-negara **maju**.*
- (iii) Senarai barang keperluan telah diselidik oleh Aziz bagi memastikan tiada apa yang tertinggal sebelum menyertai ekspedisi.  
*Senarai barang keperluan telah **disemak** oleh Aziz bagi memastikan tiada **apa-apa** yang tertinggal sebelum menyertai ekspedisi.*

### Set 9

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.

- (i) Para-para murid yang membawa basikal dinasihati agar berhati-hati di jalan raya.  
*Para murid yang **menunggang** basikal dinasihati agar berhati-hati di jalan raya.*
- (ii) Belum pun sempat kain baju di ampaian itu diangkat oleh saya, hujan turun dengan dahsyat.  
*Belum pun sempat kain baju di ampaian itu **saya angkat**, hujan turun dengan **lebat**.*
- (iii) Fikirannya beku bila memikirkan cara untuk mendapatkan wang bagi membayar yuran persekolahan anaknya.  
*Fikirannya **buntu apabila** memikirkan cara untuk mendapatkan wang bagi membayar yuran persekolahan anaknya.*

### Set 10

Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur ayat dan maksud asalnya.

- (i) Mereka berselisih faham mengenai perkara yang kacau-bilau.  
*Mereka berselisih faham **tentang** perkara yang **remeh-temeh**.*
- (ii) Peserta perlumbaan itu terhegeh-hegeh ketika sampai ke garisan penamat.  
*Peserta perlumbaan itu **termengah-mengah** ketika sampai **di** garisan penamat.*
- (iii) Dia mencengkam tangan rakannya supaya erat kerana telah lama tidak berjumpa.  
*Dia **menggenggam** tangan rakannya **dengan** erat kerana telah lama tidak berjumpa.*